UUM/AA49/UM/24.08.2005/p: 26 (4)

Pusat Sukan UUM anjur Larian Ambang Merdeka

UM 24/8/05 26:4

ALOR STAR 23 Ogos – Pusat Sukan dan Rekreasi (Pusur) Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menganjurkan Larian Ambang Merdeka pada 30 Ogos ini.

Pengarah Pusur, Shafferi Rejab berkata, larian yang akan bermula di kompleks sukan universiti itu diadakan bersempena sambutan Ambang Merdeka di Stadium UUM.

Katanya, objektif larian bertujuan memupuk semangat perpaduan yang sering dilaungkan oleh kerajaan serta bagi mengenangkan kembali perjuangan perajurit-perajurit yang terkorban demi mempertahankan negara.

"Larian ini adalah untuk mempromosikan UUM kepada masyarakat luar bandar dan juga menyatupadukan semua mahasiswa berbilang bangsa yang bersama-sama menimba ilmu di universiti ini," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau memberitahu seramai 4,000 peserta dijangka mengambil bahagian dalam larian yang dijangka bermula pukul 8.15 malam dengan membabitkan larian sejauh 10 kilometer di sekitar kampus tersebut.

Shafferi berkata, larian itu dibahagi kepada dua iaitu kategori tertutup untuk pelajar lelaki dan perempuan serta kategori terbuka bagi peserta luar.

Jelasnya, bagi kategori tertutup UUM, pemenang pertama akan menerima hadiah berupa wang tunai RM300, kedua RM250 dan tempat ketiga RM200 yang mana masing-masing akan menerima sijil, piala, hamper dan sijil penyertaan.

Bagi acara terbuka pula, juara akan membawa pulang wang tunai sebanyak RM200, tempat kedua sebanyak RM150 dan ketiga sebanyak RM100 manakala pemenang tempat keempat hingga sepuluh akan menerima wang tunai RM50.Borang penyertaan boleh diperolehi di Pusur atau maklumat lanjut bolehlah Norizan Md. Isa di talian 012-4892996 atau Hafifi Azizan di talian 019-3735782.